



SETIAP MEDIA SAMA ADA MEDIA CETAK, ELEKTRONIK ATAU BAHARU PASTINYA MEMPUYAI IMPAK TERUTAMANYA KE ATAS KANAK-KANAK. MALAH, PERBINCANGAN MENGANAINYA SUDAH DILAKUKAN SEKITAR TAHUN 1970-AN LAGI. SEPERTI MANA YANG DINYATAKAN OLEH JACK LYLE DAN HEIDI HOFFMAN (1976), DIDAPATI BAHAWA KIRA-KIRA TIGA PER EMPAT KANAK-KANAK SEKOLAH RENDAH DI LOS ANGELES YANG DISOAL MEMPERCAYAI BAHAWA BERITA-BERITA YANG DILIHAT DI TELEVISYEN ADALAH BENAR BELAKA.

Selain bahan hiburan, kartun juga memberi penekanan mengenai telatah manusia dan kehidupan sekeliling, gambaran kepada masyarakat serta budaya dalam sesuatu masa. Kaitan antara sikap dan mesej juga penting. Sekiranya terdapat pertentangan antara kedua-duanya, besar kemungkinan komunikasi yang dijalankan tidak akan mendatangkan kesan. Begitu juga dengan kartun yang dilukis, mestilah dapat menarik minat dan cita rasa kanak-kanak.

**KEKESAN KEGANASAN TELEVISYEN TERHADAP KANAK-KANAK (SUDUT PSIKOLOGI)**

Sering kali masyarakat mendengar

rungutan umum bahawa tidak ada bahan yang disiarkan oleh media massa selain bahan-bahan yang bercorak jenayah dan keganasan. Oleh kerana sebahagian besar daripada khalayak penonton komunikasi massa terdiri daripada kanak-kanak, masyarakat menjadi khuatir bahawa bahan yang dipaparkan itu akan mempengaruhi dan merendahkan taraf akhlak golongan itu. Seterusnya dalam jangka masa panjang akan mendatangkan kesan negatif yang meluas kepada seluruh masyarakat.

Dari segi emosi dan psikologi, tidak semua bahan jenayah dan keganasan membawa pengaruh dan kesan ke atas kanak-kanak. Kanak-kanak yang berbeza mempunyai respons

yang berbeza terhadap apa yang disiarkan. Kanak-kanak perempuan kebiasaannya mempunyai respons yang kuat terhadap adegan-adegan romantik. Tetapi kanak-kanak lelaki pula menunjukkan respons yang kuat terhadap adegan-adegan perlawanan dan pergelutan.

Umur dan pengalaman adalah faktor penting dalam menentukan kesan. Kanak-kanak yang masih kecil, yang masih belum tahu membezakan antara khayalan dan kebenaran. Begitu juga dengan kanak-kanak perempuan yang belum memahami perasaan romantik, mereka mungkin tidak mempunyai respons emosi terhadap adegan romantik dan percintaan.

Justeru, bagaimanakah kartun yang

disiarkan oleh televisyen negara ini? Perbincangan mengenai ini pernah dikemukakan oleh Utusan Malaysia pada tahun 2009 lagi, di mana akhbar berkenaan menyiarkan komen seorang ibu yang mempertikaikan siaran sebuah rancangan kartun yang dikatakan mengandungi unsur tidak sesuai untuk tayangan kanak-kanak. Kartun terbabit guru yang berpakaian seksi dengan buah dada hampir kelihatan dan skirt singkat hingga paras pangkal paha. Juga, dinyatakan terdapat adegan di mana difokuskan pada buah dada guru berkenaan.

Dibimbangi, penayangan kartun sedemikian memberi kesan kurang elok kepada perkembangan awal kanak-kanak. Terutamanya, berleluasa gejala sosial apabila kanak-kanak terbabit meningkat dewasa.

**PERANAN IBU BAPA MENANGANI KEKESAN KEGANASAN TELEVISYEN TERHADAP KANAK-KANAK**

Institusi keluarga yang memainkan peranan penting dalam perkembangan moral kanak-kanak haruslah diperkuatkan bagi mengelakkan kejadian itu berlaku.

Bagi menjelaskan hal itu, di sini penulis kemukakan satu pandangan bahawa permulaan perkembangan kanak-kanak akan cuba memahami konsep moral. Cubaan ini perlu dibantu dengan tunjuk ajar daripada orang dewasa (ibu bapa, penjaga) supaya kanak-kanak dapat menunjukkan dan menaakul perlakuan moral yang seimbang.

Ibu bapa bertanggungjawab memberi asuhan yang baik dan membimbing anak-anak untuk menjadi individu yang harmonis. Kerjasama daripada kanak-kanak juga diperlukan dengan mematuhi nilai-nilai yang baik yang diajar oleh ibu bapa serta menjalin hubungan yang positif dengan ibu bapa.

Selain itu, kualiti hubungan, *secure attachment* penting dalam perkembangan moral seseorang kanak-kanak kerana ia dapat memahami dan mengaplikasi kehendak atau etika moral yang ditetapkan oleh ibu bapa. Melalui kaedah itu, ibu bapa kebiasaannya akan mendisiplinkan anak-anak mereka

dalam perkembangan moral yang dikehendaki.

**MENGATASI KEKESAN KEGANASAN KARTUN TERHADAP KANAK-KANAK**

Cara terbaik mengatasi masalah itu daripada mempengaruhi kanak-kanak terutama dari segi moral adalah memastikan filem, drama atau rancangan yang ditayangkan di kaca televisyen sesuai untuk tontonan semua golongan. Oleh demikian, seharusnya program import yang ditayangkan di kaca televisyen perlulah mempunyai beberapa perkara yang perlu ditekankan:

- 1. Program yang diimport perlulah berunsur Islam dan sesuai ditonton oleh semua lapisan masyarakat.

- 2. Mempunyai pengajaran untuk golongan kanak-kanak dan remaja kerana golongan itu paling mudah terpengaruh dengan tayangan di kaca televisyen.
- 3. Program yang diimport ditaja oleh pengiklan yang bertanggungjawab yang tidak memikirkan keuntungan semata-mata. Penaja mempunyai pengaruh besar terhadap jenis program yang bakal ditayangkan kerana mereka merupakan penaja.
- 4. Program yang ditayangkan perlulah selari dengan dasar kerajaan dalam membentuk masyarakat madani.
- 5. Program yang diimport perlulah sesuai dengan budaya negara ini serta tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

**SELAIN ITU, DIKEMUKAKAN BEBERAPA CADANGAN BAGI MEREKA YANG TERBABIT DALAM PEMBIKINAN KARTUN DI NEGERA INI, ANTARANYA:**

- 1. **PERANAN PENERBIT.** Untuk menghasilkan sebuah produk kartun, penerbit atau mereka yang terbabit memikirkan sejauh manakah mereka layak menulis skrip atau melukis kartun. Jika tahap itu tidak diketahui berkemungkinan skrip serta produk kartun yang dihasilkan akan memberi kesan buruk kepada golongan sasaran iaitu kanak-kanak. Penerbit harus berusaha memperkayakan kebudayaan yang mulia setanding dengan jiwa dan imaginasi kanak-kanak.
- 2. **BAHASA SESUAI.** Adakah bahasa yang digunakan dapat disampaikan kepada kanak-kanak dengan tepat. Fantasi antara kanak-kanak dan orang dewasa tidak mempunyai persamaan. Setiap kanak-kanak terdedah dengan alam sekeliling mereka yang menjadikan fikiran turut berkembang.
- 3. **PENULIS SKRIP.** Sebaik-baiknya penulis skrip menghidupkan watak kanak-kanak sebagai watak utama di dalam karya mereka. Bentuk dan rima di dalam karya adalah penting ke arah pembinaan sahsiah kanak-kanak.
- 4. **KARTUNIS.** Kartunis seharusnya dapat menyelami idea penulis skrip. Idea terbabit perlulah sama dengan kartun yang dihasilkan. Kemahiran kartunis melukis dan memindahkan idea penulis ke dalam bentuk kartun amatlah penting supaya kanak-kanak tidak terkeliru. Jika wujud kekeliruan, kartun yang dihasilkan boleh memberi kesan sampingan kepada diri kanak-kanak yang menontonnya.
- 5. **IBU BAPA.** Ibu bapa harus memahami bahawa tidak semua kartun yang ditayangkan di kaca televisyen sesuai ditonton oleh anak-anak mereka. Kesedaran ibu bapa mengenai hal itu dapat membantu gaya fikiran anak-anak mereka yang sedang membesar dan dewasa.

*Penulisan yang dihasilkan ini adalah sebahagian kecil daripada sumbangan penulis terhadap permasalahan yang dihadapi oleh khalayak media hari ini. Perbincangan mengenai impak kartun terhadap kanak-kanak memerlukan perbincangan berterusan dan kerjasama semua pihak yang terbabit. Permasalahan ini hanya dapat diselesaikan jika semua pihak yang terbabit bersatu dan melaksanakan tugas, amanah dan tanggungjawab mereka dengan sebaik mungkin.*

Harmoni  
 1-30 Nov 2017

Children - Psychology,  
 Pg. 76-77

ETR-NO: 0000275703